

17 DEC 2003

Khidmat-Keselamatan

ASPEK KESELAMATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA TERKAWAL

ALOR STAR, 17 Dis (Bernama) -- Ibu bapa dan peserta program Khidmat Negara tidak perlu bimbang berhubung aspek keselamatan di kem-kem penempatan kerana "semuanya berada dalam keadaan baik serta terkawal", kata Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohamed Basri.

Beliau berkata tiada istilah "buli" dalam latihan berkenaan kerana program itu, yang bermula 16 Feb tahun depan, bertujuan memupuk semangat perpaduan di kalangan generasi muda.

MLKN dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan mengadakan satu slot dalam Selamat Pagi Malaysia pada Ahad ini bagi memberi penerangan yang lebih mendalam tentang program itu, katanya.

Beliau juga berkata senarai peserta yang terlibat untuk program berkenaan akan disiarkan dalam semua akhbar tempatan pada 20 Dis ini.

Seramai 4,600 jurulatih sedang menjalani latihan intensif di Kuala Nerang, Kedah, dan Kajang, Selangor, bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di 24 buah kem program terbabit di seluruh negara.

Prof Ahmad Fawzi, yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, satu konvokesyen khas akan diadakan 17 Feb depan bagi menghargai jasa bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali sempena sambutan 20 tahun UUM.

Beliau berkata Dr Mahathir akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Pengurusan Pembangunan manakala Dr Siti Hasmah dianugerahkan Ijazah Kehormat Pengurusan Kerja Sosial pada konvokesyen itu.

Katanya, pelbagai acara lain turut diatur bagi memeriahkan sambutan terbabit seperti perasmian kampus, forum, pameran, konsert diraja, seminar serta karnival sukan.

-- BERNAMA

LYN MAN MAI